

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI SARAVANAN A/L MURUGAN
[TAPAH]**

TARIKH : 22 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 32

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menjelaskan adakah dasar-dasar ekonomi negara kini selaras dengan hasrat Malaysia Baru dan apakah dasar ini mempunyai ruang dan peluang dalam memperkasakan ekonomi kesemua lapisan masyarakat di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah merangka satu wawasan baharu iaitu Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB) yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 5 Oktober 2019. WKB adalah hala tuju baharu pembangunan negara yang mengandungi strategi yang lebih holistik bermula tahun 2021 hingga 2030 dan akan dilaksanakan dalam dua tempoh Rancangan Malaysia iaitu Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13) dengan matlamat menyediakan taraf hidup yang wajar (*decent standard of living*) kepada semua rakyat Malaysia pada tahun 2030. o

2. Kerangka WKB telah menetapkan 3 objektif utama seperti berikut:
 - a) Pertama - Pembangunan Untuk Semua
 - b) Kedua - Menangani Jurang Kekayaan Dan Pendapatan; dan
 - c) Ketiga - Menjadikan Malaysia Sebuah Negara Yang Bersatu, Makmur Dan Bermaruah.

3. Melalui objektif pertama, Pembangunan untuk Semua, WKB akan menstruktur semula ekonomi ke arah yang lebih progresif, berpaksikan ilmu dan bernilai tinggi dengan penyertaan masyarakat yang menyeluruh di semua peringkat. Antara strategi yang akan dilaksanakan Kerajaan untuk menstruktur semula ekonomi adalah dengan memberi tumpuan untuk menarik pelaburan yang berkualiti yang akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran tinggi.

4. Selain memperkukuhkan sektor pertumbuhan ekonomi sedia ada, tumpuan juga akan diberi untuk mempergiat aktiviti pertumbuhan ekonomi masa hadapan yang bernilai tinggi dan mempunyai potensi untuk berkembang pesat sejajar dengan perubahan teknologi.

5. Selain itu, melalui Teras Strategi Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA), sektor yang menunjukkan potensi untuk berkembang dengan pesat perlu dikenal pasti. Dengan adanya sektor ini, usaha Kerajaan untuk memacu perkembangan ekonomi akan dilakukan melalui inisiatif berpusat sekali gus membangunkan ekosistem di sepanjang rantai bekalan. Cadangan aktiviti ini tidak akan mengabaikan fokus pertumbuhan dan pembangunan aktiviti ekonomi yang sedia ada seperti minyak dan gas; perkilangan barangan elektronik dan elektrik; serta perkhidmatan lain. Untuk memacu pembangunan ekonomi masa hadapan, penstrukturan semula ekonomi ke arah yang lebih progresif, berpaksikan ilmu dan bernilai tinggi dengan penyertaan masyarakat yang menyeluruh di semua peringkat dan merentas wilayah akan dilaksanakan.

6. Dalam memperkasakan ekonomi semua lapisan masyarakat di Malaysia, Kerajaan akan terus membela dan meningkatkan keupayaan semua rakyat supaya tiada yang ketinggalan. Ini adalah selaras dengan

objektif kedua WKB iaitu Menangani Jurang Kekayaan dan Pendapatan bagi menangani ketidaksamaan sosioekonomi yang masih wujud dalam kalangan masyarakat.

7. Sehubungan itu, Kerajaan akan memfokuskan kepada pembangunan sosioekonomi negara yang berpaksikan keberhasilan. Ini diperjelaskan lagi melalui penekanan WKB kepada prinsip kesaksamaan keberhasilan (*equitability of outcomes*). Prinsip ini bukan bermaksud kesaksamaan peluang (*equitability of opportunities*) semata-mata. Sebaliknya, merupakan pendekatan ekonomi yang menjamin kesaksamaan keberhasilan sesuatu inisiatif dengan mengambilkira kekangan terhadap pencapaian kumpulan atau individu yang disebabkan oleh perbezaan latar belakang ekonomi dan persekitaran. Penerapan unsur kesaksamaan keberhasilan dalam WKB adalah penting bagi mencapai matlamat kemakmuran bersama.

8. Kerajaan yakin Wawasan Kemakmuran Bersama akan berjaya membentuk Malaysia sebagai sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah, seterusnya muncul sebagai paksi ekonomi Asia.

Sekian, terima kasih.